



AKADEMIK

U N I V E R S I T I T E K N O L O G I M A R A

Bilangan 6 Tahun 2014

KETETAPAN TEMPOH PEMBAYARAN TUNTUTAN ELAUN TESIS DAN TIKET KAPAL TERBANG BAGI PEMEGANG BIASISWA STAF DAN TENAGA PENGAJAR MUDA (TPM)

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan ketetapan tempoh pembayaran Tuntutan Elaun Tesis Dan Tiket Kapal Terbang Bagi Pemegang Biasiswa Staf dan Tenaga Pengajar Muda (TPM).

LATAR BELAKANG

2. Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf (Induk) dalam Mesyuarat ke-272 pada 25.02.2014 telah membuat keputusan mengenai ketetapan kemudahan Tuntutan Elaun Tesis Dan Tiket Kapal Terbang Bagi Pemegang Biasiswa Staf dan Tenaga Pengajar Muda (TPM).

3. Sebelum ini Bahagian Biasiswa, Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar menerima permohonan tuntutan elaun tesis dan tuntutan tiket kapal terbang bagi pemegang biasiswa seperti berikut:

I. Tuntutan Elaun Tesis

- a. Pemegang biasiswa mengemukakan tuntutan selepas beberapa tahun dari tarikh lapor diri; dan
- b. Pemegang biasiswa telah diambil tindakan tuntutan gantirugi dan dapat menamatkan pengajian selepas notis dikeluarkan;

II. Tuntutan Tiket Kapal Terbang

- a. Pemegang biasiswa memohon tuntutan tiket kapal terbang selepas tidak melapor diri dalam tempoh yang sepatutnya (kes tidak hadir bertugas dan tidak dapat dikesan); dan
 - b. Pemegang biasiswa yang telah diambil tindakan tuntutan gantirugi dan dapat menamatkan pengajian selepas notis dikeluarkan.
4. Pekeliling ini terpakai bagi peringkat pengajian Sarjana dan Ijazah Kedoktoran (PhD).

TUJUAN PELAKSANAAN

5. Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf (Induk) dalam Mesyuarat ke-272 pada 25.02.2014 membuat keputusan seperti berikut:

BIL	PERKARA	KEPUTUSAN
1.	Tuntutan Elaun Tesis	<p>Peringkat Sarjana: 3 tahun dari tarikh mula penajaan (pengajian)</p> <p>Peringkat Ijazah Kedeoktoran (PhD): 6 tahun dari tarikh mula penajaan (pengajian)</p> <p>dan</p> <ol style="list-style-type: none">a. Pemegang biasiswa tidak pernah dikenakan tindakan perundanganb. Bagi pemegang biasiswa yang pernah dikenakan tindakan perundangan maka permohonan tidak diproses oleh pihak Universiti atau permohonan yang diterima selepas tempoh tersebut di atas juga tidak akan diproses

2.	Tuntutan Tiket Kapal Terbang	<p>a. Dibayar sekiranya pemegang biasiswa balik dalam tempoh yang ditetapkan sahaja (tempoh pengajian yang diluluskan sahaja)</p> <p>b. Bagi kes dipanggil balik melapor diri atas sebab kemajuan tidak memuaskan, tidak berupaya meneruskan pengajian, diberhentikan pengajian atau lain-lain berkaitan pengajian, dibayar jika pemegang biasiswa balik dalam tempoh 14 hari dari tarikh keputusan JKLPS(I) atau Surat Arahan Kembali Bertugas sahaja</p> <p>c. Bagi resit yang hilang (bagi tuntutan pergi atau balik mengikut kelayakan), dibayar pada tahun semasa sahaja pemegang biasiswa dengan syarat pemegang biasiswa mesti mengemukakan <i>boarding pass</i> dan <i>e-ticket</i> sebagai bukti ketibaan dan pembayaran</p>
----	------------------------------	---

6. Ketetapan ini, juga digunakan oleh Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPbSM) sebagai dokumen rujukan dalam menguruskan hal ehwal berkaitan tuntutan elaun tesis dan tiket kapal terbang.

7. Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan pemegang biasiswa hendaklah mengambil maklum berkenaan ketetapan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf (Induk) berkenaan perkara di atas.

8. Pekeliling ini juga merujuk kepada ketetapan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi tempoh masa tuntutan elaun tesis.

TARIKH DIKELUARKAN

9. Pekeliling dikeluarkan pada 4 April 2014.

TARIKH KUATKUASA

10. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2013.

PEMAKAIAN

11. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua Pemegang Biasiswa Staf dan Tenaga Pengajar Muda (TPM).



PROF. DR AZNI ZAIN AHMED
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri

Bil. Fail : 100-BPD(JPbSM.64)
No Siri : 100-HEA(6/4)